

**PEJABAT
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU.**

Bil. (59) dlm. PTG.TR. 13/66/1 (SEM)

Kuala Terengganu: 3hb. Januari, 1982.
Bersamaan: 7hb. R'Awal, 1402.

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.
Pemungut Hasil Tanah, Besut.
Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.
Pemungut Hasil Tanah, Dungun.
Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.
Pemungut Hasil Tanah, Marang.

Tuan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 1/1982.

Kedudukan 'Penguasa', 'Penjaga Amanah' Dalam
Membuat Permohonan Menukar Jenis Penggunaan Tanah.

Adalah diperhatikan kadangkalanya terdapat permohonan-permohonan menukar Jenis Penggunaan Tanah oleh mereka yang dinamakan 'Penguasa', 'Penjaga' dan 'Penjaga Amanah'.

2. Untuk membolehkan perjalanan memproses permohonan-permohonan tersebut berjalan dengan lancar, tuan dikehendaki memberikan kemyataan-kenyataan lanjut seperti bagaimanakah timbulnya perlantikan 'Penguasa' atau 'Penjaga Amanah' itu dan apakah yang diperintah/dilarah oleh kuasa yang mengeluarkan perintah atau melantiknya sepetimana yang tercatutnya di dalam keputusan yang dibuat.
3. Sehubungan dengan ini, Y.B. Penasihat Undang-undang Negeri, Terengganu telah memberi nasihat dan pandangannya mengenai masalah (1) - Lampiran 'A' dan masalah (2) - Lampiran 'B' yang mana diperturunkan seperti berikut :-

* Y.B. SUK. ,

Berkenaan dengan (1) Encik Ismail bin Daud ialah pemegang amanah ke atas harta kepunyaan adik-adiknya yang masih belum cukup umur. Sila lihat seksyen 13(2) Small Estates (Distribution) Act, 1955 (Disemak - 1972). Sebagai seorang pemegang amanah, tiap-tiap langkah yang diambil berhubung dengan harta amanah itu mestilah yang memberi segenap faedah kepada orang yang berhak ke atas harta tersebut. Berpegang kepada prinsip ini pada pendapat saya hasrat Encik Ismail bin Daud membuat permohonan untuk menukar Jenis penggunaan tanah amanah ini bagi pihak mereka yang belum cukup umur itu adalah bagi faedah harta amanah itu dan dengan demikian permohonan tersebut bolehlah diterima untuk diproses. Tetapi sebaliknya jika pada masa ini kedua-dua adiknya itu telahpun cukup umur, maksud amanah berkenaan telahpun selesai dan dengan yang demikian kedua-dua adiknya itu berkuasa menghapuskan amanah tersebut dan menentukan sendiri di atas langkah-langkah yang patut diambil ke atas tanah mereka itu.

2. Berkenaan dengan (2) mereka yang terlibat adalah juga pemegang amanah. Tetapi berkenaan dengan En. Mokhtar bin Hj. Abdul Rahim ia dilantik ekoran daripada perintah Mahkamah Tinggi, Terengganu. Oleh yang demikian perlulah disiasat terlebih dahulu samada terdapat di dalam perintah tersebut apa-apa tegahan dan apa-apa tindakan terhadap 8/12 bahagian tanah tersebut. Jika ada, ia terpaksalah terlebih dahulu memohon kelulusan Mahkamah untuk kebenaran memohon menukar Jenis penggunaan tanah tersebut."

4. Oleh yang demikian, tuan adalah dikehendaki memberi perhatian mengenai perkara ini supaya urusan penukaran jenis penggunaan tanah dapat dilurus dengan teratur.

Sekian.

*** BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ***

(DATO' LELA JASA)
Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu.

s.k.
Y.B. Setiausaha Kerajaan.
Y.B. Penasihat Undang-undang Negeri, Terengganu.

Fall PTG.TR. 7/2105
Fall PTG.TR. 7/1628
Fall SUK.TR. 1130/14/55

Lampiran 'A'

Bil. (5) dlm. PTG.TR. 7/1628

Tarikh: 11hb. Mei, 1981.
Bersamaan: 7hb. Rejab, 1401.

Yang Berhurmat,
 Setiausaha Kerajaan,
Terengganu.

Dato'

Kedudukan 'Penjaga' Dalam Membuat Permohonan Menukar Jenis Penggunaan Tanah.

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Pejabat ini telah menerima satu permohonan untuk menukar jenis penggunaan tanah daripada Pemungut Hasil Tanah, Dungun.

2. Dalam lapurannya, Pemungut Hasil Tanah, Dungun menjelaskan yang permohonan itu dikemukakan oleh Encik Ismail bin Daud 'Penjaga' kepada adik-adiknya, Encik Osman bin Daud (1/2 bhg.) dan Encik Abdullah bin Daud (1/2 bhg). Lantikan penjaga ini adalah ekoran daripada penyelesaian Tarekah Kecil di mana kedua-dua tuan tanah itu didapati masih belum cukup umur lagi. Oleh sebab itu Encik Ismail bin Daud telah dilantik sebagai 'Penjaga' kepada adik-adiknya.

3. Oleh yang demikian saya memohon agar dapat Dato' menyampaikan perkara ini kepada Y.B. Penasihat Undang-undang Negeri bagi mendapatkan pandangan dan nasihatnya, sebelumnya permohonan ini dilangkat bagi timbalan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

t.t.
 (DATO' LELA JASA)
 PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
 TERENGGANU.

LAMPIRAN 'B'

Bil. (2) dlm. PTG.TR. 7/2105

Tarikh: 26hb. Mei, 1981.

Bersamaan: 22hb. Rejab, 1401.

Yang Berhormat,
Setiausaha Kerajaan,
Terengganu.

Dato'

Kedudukan 'Penguasa' dan 'Penjaga Amanah' Dalam
Membuat Permohonan Menukar Jenis Penggunaan Tanah,

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Pejabat ini telah menerima satu permohonan untuk menukar jenis penggunaan tanah daripada Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.

2. Dalam lapurannya, Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu menjelaskan yang permohonan itu dikemukakan oleh tuan-tuan tanah:-

- I) Encik Mukhtar bin Haji Abdul Rahim - 'Penguasa' - 8/12 bhg.
- II) Cik Zaharlah binti Hj. Da
Abdul Rahim - 'Penjaga Amanah' - 2/12 bhg.
- III) Che Asemall binti Awang - 'Penjaga Amanah' - 1/12 bhg.
- IV) Meriam binti Awang Mokhtar - 'Penjaga Amanah' - 1/12 bhg.

3. Lantikan 'penguasa' kepada Encik Mokhtar adalah akibat daripada perintah Mahkamah Tinggi Terengganu, manakala lantikan 'Penjaga Amanah' kepada Cik Zaharlah adalah ikutan pindahmllik kepada Wan Rosdiana binti Wan Hussin kp. 6288607 (1/12 bhg.) dan Wan Sallzan bin Hussin k.p. 5343047 (1/2 bhg.) yang mana kedua-dua penerima pindahmllik ini didapati masih belum cukup umur lagi.

4. Oleh yang demikian saya memohon agar Dato' menyampaikan perkara ini kepada Y.B. Penasihat Undang-undang Negeri bagi mendapatkan pandangan dan nasihatnya, sebelum permohonan ini diangkat bagi pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Sekian. Terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya Yang Menurut Perintah,

t.t.

(DATO' LELA JASA)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU.